

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HMT 321 - Semantik Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM LAPAN [8] HALAMAN.

Jawapan untuk soalan **lima** [5] mesti ditulis di atas kertas soalan, dan pisahkan soalan ini untuk diserahkan bersama jawapan lain.

Semua contoh mestilah daripada bahasa Melayu.

1. a) Bentuk satu skrip perbualan ideal yang mempunyai ciri-ciri di bawah:

seting : luar bilik tutorial G03/104, 10.45 - 11.00 pagi
hari Khamis
topik : warga usiamas
sub topik: gender, penyakit/sindrom, kemudahan, sumbangan
watak : Cik Hanis (pengajar tutorial - 25 tahun)
Atiqah (pelajar - 22 tahun)
Shanti (pelajar - 25 tahun)
Joo Lynn (pelajar - 30 tahun)
Watson (pelajar 22 tahun)
Hakeem (pelajar - 22 tahun)

Skrip perbualan ini perlu memperlihatkan dengan lengkap

- I. Prinsip Kerjasama Grice,
- II. Prinsip Kesopanan,
- III. Syarat Felisiti, dan
- IV. Struktur Perbualan.

Labelkan dengan jelas bahagian yang memperlihatkan (I) hingga (IV) dalam skrip perbualan anda.

- b. Berikan senarai lengkap (I) hingga (IV).

(20 markah)

2. Jelaskan dengan ringkas lima (5) daripada hal-hal berikut: Gunakan contoh-contoh yang sesuai.

- a) syarat kebenaran Tarski.

- b) kaedah saintifik Popper.
- c) peranan semantik dan fitur semantik.
- d) polisem dan metonim.
- e) penaabiran dan pra-andaian.
- f) kekaburan dan ketaksaan.
- g) inferens deduktif dan inferens induktif
- h) ayat dan proposisi.

[20 markah]

3. Tunjukkan dengan lengkap ciri formal hubungan refleksif, transitif, semetri, dan konvers. Berikan contoh-contoh yang sesuai.

[10 markah]

4. Pilih satu daripada (a) hingga (c). Gunakan contoh-contoh yang sesuai dalam jawapan anda.

- a) Kempson menyatakan bahawa “struktur semantik dan struktur sintaksis bahasa merupakan dua sistem yang bebas, tetapi saling berhubung antara kedua-duanya” (1991: 217). Bincangkan.
- b) Bincangkan isu yang ditimbulkan oleh Kempson semasa membicarakan pembahagian semantik dan pragmatik. Apakah pula pendapat anda tentang hal ini?
- c) Bincangkan kelebihan dan kekurangan penggunaan logik dalam mengkaji kesemantikan bahasa Melayu dan minda orang Melayu.

[20 markah]

Angka giliran: _____ Soalan: _____ Kod kertas: _____

Tempat peperiksaan: _____ Bil. tempat duduk: _____

Arahan soalan 5. Jawab di ruang yang disediakan dalam kertas ini.

5. a) Nyatakan menggunakan simbol untuk (i) hingga (iv), dan beri satu contoh dari bahasa idiomatik untuk setiap satu.

(i) x ialah unsur Y

(ii) e bukan merupakan subset F

(iii) satuan K dan L

(iv) set yang terdiri daripada unsur p , q , dan r

(v) m bukan merupakan unsur tindanan H dan N

(vi) nilai w yang dipunyai oleh fungsi untuk argumen t

Angka giliran: _____ Soalan: _____ Kod kertas: _____

Tempat peperiksaan: _____ Bil. tempat duduk: _____

b) Terjemahkan ekspresi (i) dan (ii) ke bahasa Melayu idiomatik.

(i) $\{y \mid y \text{ ialah seorang pelajar semantik dan Timah telah membantu } y\}$

(ii) $\{y \mid y \text{ ialah seorang rakyat Malaysia}\} \cap \{y \mid y \text{ ialah pelayar pertama mengelilingi dunia dari barat ke timur}\}$

c) Tunjukkan rajah Venn dan notasi predikat yang memperlihatkan set $(X \cap Y)$ untuk frasa *seorang angkasawan wanita dari Malaysia*

Angka giliran: _____ Soalan: _____ Kod kertas: _____

Tempat peperiksaan: _____ Bil. tempat duduk: _____

d) Gunakan variable ayat p, q, dan r dan penghubung logikal untuk representasi ayat (i) hingga (v).

i) Jika hari ini ada peperiksaan mengejut, kita tenat.

ii) Durian berduri, tetapi rasanya enak.

iii) Kamu boleh melawat Taman Tasik Taiping jika kamu mahu.

iv) Nenek akan makan buah mengkudu atau daun pegaga tetapi tidak buah kiwi.

v) Jika bukan Siti Nurhaliza atau Noraniza Idris yang menyanyikan lagu itu, maka Mas Idayulah yang menyanyikan lagu itu.

e) Terjemahkan ayat (i) hingga (vii) menggunakan logik predikat.

i) Azean Irdawati ialah seorang pelakon yang hebat.

Angka giliran: _____ Soalan: _____ Kod kertas: _____

Tempat peperiksaan: _____ Bil. tempat duduk: _____

ii) Roslin Hashim ialah seorang pemain badminton, tetapi Nicol David ialah seorang pemain skuasy.

iii) Bukan semua orang menyukai tempoyak.

iv) Setiap pelajar mencari beberapa artikel semantik.

v) Tidak semua pelajar menjawab semua soalan peperiksaan.

vi) Jika semua pelajar berjaya, maka tiada pelajar yang bersedih.

vii) Anda boleh cuba menjawab soalan ini, jika anda mahu.

Angka giliran: _____ Soalan: _____ Kod kertas: _____

Tempat peperiksaan: _____ Bil. tempat duduk: _____

f) Berikan satu contoh untuk hal-hal dibawah:

i) hubungan banyak-banyak

ii) hubungan banyak-satu

Angka giliran: _____ Soalan: _____ Kod kertas: _____

Tempat peperiksaan: _____ Bil. tempat duduk: _____

iii) hubungan satu-banyak

iv) hubungan satu-satu